

Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Kerajaan

Zirawati Kadir
Pusat Pengajian Perakaunan,
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: zirawati@gmail.com

Azlina Ahmad
Pusat Pengajian Perakaunan,
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: azlinamo12@gmail.com

Norida Basnan
Pusat Pengajian Perakaunan,
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: norida@ukm.gov

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan Jawatankuasa Audit (JKA) dan impaknya terhadap tadbir urus awam. Empat faktor yang dikenalpasti berdasarkan kajian lepas ialah peranan, ciri-ciri ahli, tanggungjawab JKA dan hubungan kerja antara JKA dan Unit Audit Dalam boleh menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan JKA dalam sesebuah organisasi adalah berdasarkan literatur JKA. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan amalan sebenar JKA dalam persekitaran sektor kerajaan dan impaknya terhadap tadbir urus awam berdasarkan persepsi Juruaudit Dalam. Data untuk kajian rintis ini dikutip melalui soal selidik yang dilaksanakan di sebuah Unit Audit Dalam, kerajaan persekutuan. Secara umumnya, responden bersetuju dengan semua pernyataan mengenai faktor yang menyumbang kepada keberkesanan JKA dengan skor purata melebihi 4.00. Hasil kajian ini memberi indikasi awal kepada pihak Perbendaharaan dan agensi kerajaan lain bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam mencapai tadbir urus yang baik dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Kata kunci: Keberkesanan JKA Sektor Awam, Tadbir Urus Awam, Juruaudit Dalam Sektor Awam.

ABSTRACT

The study conducted with the aim to identify the factors that influence the effectiveness of public sector Audit Committee (AC) and its impact on public governance. Factors that contribute to the success and effectiveness of AC in an organization, as identified by past research include role of AC, quality of committee members, responsibilities of AC and working relationship between the AC and Internal Audit Unit. This study focus on the actual operating environment of AC in the government sector and its impact based on the perceptions of Internal Auditors as they are the secretariat to the AC. Data for this pilot study was obtained via administration of questionnaire survey in one of the Internal Audit Unit of the Federal Government. In general, the result shows that the respondents agree that the factors identified contribute to the effectiveness of the AC, with an average score exceeding 4.00. The results of this study provide a preliminary indication of the Treasury and other government agencies to enhance transparency and accountability in achieving good governance and strengthening public service delivery system.

Keywords: Effectiveness of Audit Committee in Public Sector, Public Governance, Internal Auditors in Public Sector

PENGENALAN

Aktiviti Jawatankuasa Audit (JKA) merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi mengkaji hubungan antara ahli JKA dan Juruaudit Dalam serta kesannya ke atas tadbir urus awam. Aktiviti ini menyediakan maklumat mengenai pembentangan agenda, perbincangan, pembuatan keputusan dan pemantauan ke atas keputusan yang dibuat dalam mesyuarat JKA. Tanggungjawab bagi melapor, membincang dan memantau isu-isu audit perlu dipikul secara bersama antara JKA dan Unit Audit Dalam (UAD) supaya keberkesannya dapat dicapai (SAP, 2009). Penubuhan JKA seharusnya memberi impak yang positif kepada organisasi bagi memastikan pengurusan kewangan awam dilaksanakan secara cekap, telus dan berakuntabiliti ke arah *zero defect* (kesilapan sifar).

Penubuhan JKA seharusnya tidak menimbulkan banyak masalah kerana telah lama dipraktikkan di banyak Negara sama ada melibatkan sektor swasta mahupun sektor awam. Di Malaysia, walaupun penubuhan JKA dalam sektor kerajaan hanya bermula pada pertengahan tahun 2009, tetapi pelaksanaannya telah bermula seawal tahun 1980an dalam sektor perbankan. Arahan penubuhan JKA di semua kementerian/jabatan persekutuan dan negeri dibuat melalui Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 5 Mei 2009 lanjutan dari kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap pendekatan sedia ada dalam menangani isu-isu audit yang berulang (LKAN, 2008). Sebelum penubuhan JKA, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) adalah merupakan jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk membincang dan memantau isu-isu audit. Bagaimanapun, JPKA menghadapi kekangan masa untuk membincangkan isu audit secara teliti kerana terdapat agenda lain seperti bajet, perbelanjaan, kutipan hasil, pengurusan aset dan latihan yang turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Penubuhan JKA juga adalah merupakan satu langkah untuk memantap dan meningkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan (SAP, 2009).

JKA yang berkesan memainkan peranan penting untuk memastikan integriti dan kebolehpercayaan maklumat kewangan serta menentukan organisasi awam beroperasi dengan cekap selaras dengan mandat yang diberi. *Institute of Chartered Accountants of New Zealand (ICANZ)*, 2003 telah mencadangkan supaya garis panduan disediakan bagi operasi JKA. National Treasury (2001) turut menyenaraikan kebaikan dan manfaat JKA seperti: a) memastikan fungsi Audit Dalam adalah bebas bagi menjamin kecekapan dan keberkesanan operasinya; b) mengaplikasikan amalan pengurusan risiko dalam organisasi; c) mengaplikasikan amalan tadbir urus yang baik; d) sistem kawalan dalaman yang mencukupi dan berfungsi dengan berkesan; dan e) mengurangkan aktiviti salah laku dan salah tadbir oleh organisasi. Menurut D. Riordan (2011), ketua-ketua jabatan kerajaan di Ireland telah mencapai persepakatan bahawa JKA telah memberi manfaat yang baik kepada jabatan mereka dari segi jaminan yang diberi; kebebasan jawatankuasa tersebut; memberi sokongan dan pengawasan ke atas UAD; penyedia amaran awal bagi isu-isu tertentu; bertindak sebagai sumber kepada ketua-ketua jabatan dan memberi impak kepada pengurus di jabatan mereka.

Di Malaysia, penubuhan JKA dalam sektor awam sama seperti penubuhan jawatankuasa lain yang diwujudkan di setiap kementerian/agensi awam. Perhatian khusus sama ada sesebuah jawatankuasa telah berfungsi dengan baik dan berkesan kurang diberi penekanan dan setakat ini tiada kajian semula dilakukan bagi menambahbaik operasi/aktiviti jawatankuasa yang ditubuhkan. Dalam bidang akademik, kajian mengenai keberkesanan JKA khususnya dalam sektor awam juga masih terhad dan setakat ini, belum ada kajian dijalankan mengenai keberkesanan JKA di kementerian/jabatan kerajaan. Ini menjadi satu motivasi untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan JKA dalam sektor kerajaan dan setakat mana ia memberi nilai tambah ke atas tadbir urus awam. Keberkesanan JKA seharusnya dapat memberi kesan positif kepada usaha untuk mengurangkan kelemahan isu yang berulang dan memastikan penambahbaikan tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Dalam konteks kajian ini, keberkesanan JKA merujuk kepada pelaksanaan fungsi yang ditetapkan supaya kecemerlangan prestasi pengurusan kewangan awam dapat ditingkatkan. Persepsi Juruaudit Dalam digunakan sebagai kaedah bagi menilai faktor yang mempengaruhi keberkesanan JKA dalam sektor kerajaan kerana UAD adalah sekretariat kepada JKA dan merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melapor, membenteng dan memantau isu-isu audit.

KAJIAN LEPAS

JKA telah lama diwujudkan di kebanyakan negara tetapi keberkesanan fungsinya masih terus dipersoalkan (Maslinawati, 2007). Sungguhpun penubuhan JKA telah memenuhi keperluan perundangan yang ditetapkan, tetapi masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dari aspek

pelaksanaannya (Maslinawati, 2007). Purcell (2012) dalam tesisnya telah mentakrifkan keberkesanan JKA sebagai “*the functional relationship between the authority and composition of the audit committee and the specific measurement of outcomes or accomplishments*”(p.58). D. Riordan (2011) pula dalam kertas kerjanya mengenai JKA sektor kerajaan menyatakan bahawa ketua-ketua jabatan kerajaan di Ireland menilai keberkesanan JKA mereka melalui kaedah pelaksanaan program kerja JKA dan UAD; bagaimana JKA menyokong dan menyelia UAD; menjaga hubungan yang baik dengan Ketua Audit Negara dan impaknya terhadap pengurus-pengurus jabatan. *Higher Education Funding Council of England (2008)* mentakrif keberkesanan JKA sebagai kejayaan untuk menyokong badan pentadbiran bagi memenuhi tanggungjawabnya terhadap pengurusan risiko; kawalan dan tadbir urus; serta kecekapan dan keberkesanan operasi institusi. Keberkesanan ini hanya boleh terlaksana dengan memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam terma rujukan JKA. Bagaimanapun, *Higher Education Funding Council of England (2008)* menegaskan bahawa tiada satu ukuran keberkesanan JKA yang boleh digunakan oleh semua organisasi dan ia bergantung kepada prinsip JKA masing-masing.

Kebanyakan kajian lepas adalah untuk mengenalpasti sebuah JKA yang ideal dan bertindak bagi kepentingan pemegang saham (Abbott & Parker, 2000; Krishnan, 2005). Dalam sektor awam, keberkesanan JKA dikaji dari aspek penubuhan, peranan, kebebasan, komposisi serta amalan pelaksanaannya yang dinilai melalui persepsi pihak-pihak berkepentingan seperti ketua eksekutif, pegawai kewangan, Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Secara umumnya, pemilihan faktor bagi mengkaji amalan keberkesanan JKA sama ada dalam sektor swasta atau kerajaan adalah hampir sama. Sebagai contoh, kajian DeZoot et al.(2002) mengenai keberkesanan JKA telah banyak dirujuk oleh pengkaji yang mengkaji keberkesanan JKA sektor awam antaranya adalah Purcell (2012); Wong (2012); Magrane dan Malthus (2010); dan V.D. Nest (2008). DeZoort et al. (2002) telah menyediakan analisis komponen yang berjaya menyumbang kepada keberkesanan JKA iaitu: (1) komposisi; (2) kuasa; (3) sumber; dan (4) usaha (*diligence*) dan faktor-faktor ini telah dijadikan asas dalam menilai keberkesanan JKA sektor awam.

Mengikut Shulman dan Tim (2011), peranan JKA adalah untuk memberi pandangan bebas mengenai sektor kerajaan dengan memastikan tumpuan ke atas pengurusan risiko, meningkatkan akauntabiliti dan tahap pematuhan serta mewujudkan struktur tadbir urus. JKA adalah elemen penting dalam akauntabiliti awam dan tadbir urus serta berfungsi untuk memastikan badan pentadbir melaksanakan tanggungjawab mereka (Deloitte & Touche, 2005). Walaupun berlaku perkembangan terhadap peranan JKA yang meliputi aspek pengurusan risiko, kawalan dalaman, pemantauan dan siasatan khas tetapi ia tidak mengubah fungsi asas JKA dalam mengawasi proses laporan kewangan (Soltani, 2007). Shulman dan Tim (2011) juga berpendapat bahawa JKA harus memiliki ahli yang berpengetahuan dalam kewangan, berupaya untuk memahami laporan audit dan mengenalpasti risiko. Ahli yang pakar kewangan dapat memahami dengan baik dan membincangkan isu-isu audit dan risiko seperti yang dicadangkan dalam prosedur audit (DeZoort & Salterio, 2001). Menon dan Williams (1994) menegaskan bahawa kebebasan JKA sahaja tidak menjamin keberkesanannya kecuali Jawatankuasa tersebut aktif. Pernyataan ini menyokong hujah oleh Kalbers dan Forgarty (1993) yang menyatakan bahawa keberkesanan JKA akan hanya terlaksana jika ahlinya komited untuk melaksanakan peranan dan tugas-tugas mereka.

Tanggungjawab JKA merangkumi aktiviti, proses dan prosedur bagi melaksanakan tugas pengawasan dengan berkesan. JKA tidak harus dilihat sebagai jawatankuasa yang '*catch-all or default*' dan ditugaskan dengan pelbagai tanggungjawab *ad hoc* (*Australian National Audit Office (ANAO), 2011*). JKA perlu mempunyai keutamaan dalam menyediakan jaminan bebas dan memahami jangkaan yang diharapkan daripada mereka untuk melaksanakan tugas dengan berkesan (Cornelia, 2012). Herpworth dan Koning (2012) turut mempersoalkan sama ada tanggungjawab JKA harus dihadkan kepada peranan sebagai penasihat atau mereka juga perlu mempunyai bentuk tanggungjawab penyeliaan. JKA yang bebas dapat membantu organisasi awam untuk memenuhi permintaan pembayar cukai dalam usaha meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti melalui pengawasan ke atas amalan pengurusan yang meliputi aspek nilai dan etika; struktur tadbir urus; pengurusan risiko; kawalan dalaman; aktiviti audit; penyedia jaminan luaran; pelan tindakan pengurusan; dan penyata kewangan serta laporan akauntabiliti awam (*Institute of Internal Auditors (IIA), 2014*). Oleh itu, amalan yang baik membolehkan JKA melaksanakan tanggungjawab teras dengan baik dan terfokus.

Kerja-kerja Audit Dalam adalah merupakan sumber utama JKA dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan (HM Treasury, 2007). Interaksi antara JKA dan UAD adalah penting kerana ia dapat mengukuhkan fungsi masing-masing (Goodwin, 2003). Hubungan berkualiti dan bantuan dalam menyediakan persekitaran kerja yang sesuai dapat menyokong UAD melaksanakan aktiviti tadbir urus yang merangkumi penilaian risiko, jaminan kawalan dan pematuhan (Gramling, Maletta, Schneider & Church, 2004). JKA yang berkesan dapat meningkatkan status UAD dan memastikan pihak pengurusan mengeluarkan laporan yang berkualiti (Beasley, Carcello, Hermanson &

Lapides, 2000). JKA juga berkesan jika semua pihak yang berinteraksi dengan JKA, jelas memahami dan menghormati hak, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut. Situasi ini dapat mewujudkan kejujuran, keterbukaan, interaksi dan dialog yang konstruktif antara pihak-pihak berkaitan (Marx, 2009).

Menurut Goetsch (2010), sesebuah jawatankuasa hanya akan berjaya dalam pencapaian matlamatnya apabila ahlinya memberikan sokongan dan komitmen. Setiap ahli JKA harus memberi kerjasama dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh organisasi. Ahli JKA yang berpengetahuan, mahir dan berpengalaman serta komited dengan peranan dan tanggungjawab yang dimandatkan dapat memastikan pencapaian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan. Ringkasnya, JKA yang cekap dan berkesan perlu dianggotai oleh ahli yang kompeten dalam usaha menambahbaik tadbir urus dan meningkatkan sistem penyampaian awam. Hubungan langsung antara JKA dan UAD penting bagi memastikan tindakan diambil dan dipantau dari semasa ke semasa. Sokongan semua pihak juga penting untuk menambahbaik pematuhan terhadap peraturan dan prosedur kewangan sedia ada bagi memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam mengurus sumber awam. Purcell (2012) merumuskan JKA yang berkesan mesti mempunyai ahli yang memahami tanggungjawab dan akauntabiliti mereka, mahir dan berpengalaman. Ahli-ahli perlu bertemu secara tetap bagi memantau isu-isu seperti laporan kewangan, persekitaran risiko, pengawasan pengurusan dan hubungan yang berkesan dengan juruaudit. Ciri seperti pengetahuan dan kemahiran ahli dapat menyumbang kepada operasi JKA yang berkesan, manakala tindakan JKA (laporan kewangan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko) adalah bukti untuk menilai kredibiliti dan ketekunan JKA.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian rintis telah dijalankan di sebuah UAD jabatan kerajaan. Pemilihan UAD ini adalah berdasarkan ciri-ciri tipikal yang secara keseluruhannya ada pada UAD-UAD lain dalam sektor kerajaan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama untuk mengumpul data. Borang soal selidik yang digunakan mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A adalah maklumat demografi responden, Bahagian B mengandungi soalan berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan JKA manakala Bahagian C pula memberi tumpuan kepada nilai tambah JKA dalam tadbir urus awam. Sebanyak 12 set borang soal selidik telah diedarkan kepada Juruaudit Dalam bagi Gred Jawatan 32 hingga Jusa C. Pemilihan responden adalah berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan di mana responden yang dipilih adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan mesyuarat JKA dan memahami dengan jelas aktiviti JKA.

Ujian kebolehpercayaan dijalankan bagi menentukan konsistensi dan kestabilan item yang membentuk pembolehubah dan mengukur tahap kebolehpercayaan pengukuran item-item dalam soal selidik. Ujian kebolehpercayaan ini dijalankan dengan menggunakan koefisien *cronbach alpha*. Menurut Nunally dan Bernstein (1994), untuk menentukan kebolehpercayaan sesuatu pembolehubah, nilai *cronbach alpha* perlulah melebihi 0.7. Hasil ujian kebolehpercayaan ditunjukkan dalam Jadual 1. Didapati kelima-lima faktor mencatatkan nilai *cronbach alpha* melebihi 0.80. Ini bermakna tahap kebolehpercayaan setiap pembolehubah dalam kajian ini adalah tinggi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap demografi responden mendapati bilangan responden lelaki adalah lebih ramai berbanding perempuan iaitu seramai 8 orang (66.7%). Analisis juga menunjukkan seramai 8 responden (66.7) adalah terlibat sebagai pemerhati dalam mesyuarat JKA, 3 responden (25%) sebagai pembentang dan seorang sebagai Setiuasaha. Majoriti responden terdiri daripada Juruaudit bagi Gred 41/44 iaitu seramai 5 orang (41.7%) diikuti dengan gred W32/36 seramai 4 orang (33.3%). Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 2. Dapat dirumuskan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi yang hampir sama terhadap keberkesanan JKA dan impak positif terhadap tadbir urus di kementerian mereka berdasarkan skor purata yang diberikan walaupun berbeza jantina, gred jawatan, penglibatan mereka dengan JKA dan tempoh perkhidmatan semasa.

Analisis deskriptif telah dibuat ke atas maklum balas yang diterima untuk Bahagian B dan C. Jadual 3 menunjukkan skor purata bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan JKA. Terdapat 41 pilihan pernyataan telah diberi skor berdasarkan skala likert "1" yang bermaksud "sangat tidak setuju" hingga "5" yang bermaksud "sangat setuju". Secara kolektif, responden telah memberikan skor purata yang tinggi iaitu 4.50 bagi peranan utama JKA mereka iaitu "*membantu menerapkan amalan baik tadbir urus dalam organisasi*" dan "*memastikan organisasi mempunyai sistem kawalan dalaman*

yang berkesan". Bagi senarai ciri-ciri ahli, responden bersetuju bahawa ahli yang "tidak bias/tidak mempunyai kepentingan peribadi" merupakan ciri penting yang menyumbang kepada keberkesanan JKA dengan skor purata 4.42. Ini diikuti dengan "pemahaman penuh terhadap tujuan dan tanggungjawab JKA" dan "komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab" dengan skor purata 4.33. Responden turut diminta untuk menentukan apakah keutamaan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh JKA mereka. Skor purata tertinggi iaitu 4.50 menunjukkan tanggungjawab utama yang dilaksanakan oleh JKA berdasarkan persepsi responden adalah "memastikan UAD diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam melaksanakan tugasnya". Tanggungjawab bagi "memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan Audit Dalam" dan "UAD mempunyai sumber yang mencukupi dari segi peruntukan, inventori/aset dan kemudahan lain bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan" menerima skor purata sebanyak 4.42. Skor purata melebihi 4.00 menunjukkan responden secara kolektif bersetuju dengan hubungan sedia ada yang terjalin antara mereka dan JKA. Responden berpendapat "JKA memberikan kebebasan sepenuhnya kepada KAD/UAD untuk melapor, membentang dan memantau semua isu-isu audit" dengan skor purata 4.33. Selain itu, hubungan baik berdasarkan skor purata 4.25 dilihat melalui keupayaan "JKA untuk memberikan maklumbalas yang konstruktif kepada UAD" dan pada masa yang sama "UAD juga telah memberikan perkhidmatan yang baik bagi memenuhi keperluan JKA".

Rumusannya, responden bersetuju bahawa faktor peranan, ciri-ciri ahli, tanggungjawab dan hubungan kerja antara JKA dan UAD adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada keberkesanan JKA dengan skor purata tidak kurang dari 4.0 bagi setiap pernyataan kecuali bagi ciri ahli iaitu "berpengetahuan dalam bidang pengauditan" dengan skor purata 3.92. Pelaksanaan JKA di kementerian responden dilihat selari dengan tujuan dan objektif penubuhannya melalui peranan utama JKA yang dapat membantu menerapkan amalan tadbir urus yang baik dan memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman organisasi. Manakala ciri-ciri ahli yang tidak bertindak atas kepentingan peribadi; pemahaman mereka terhadap tujuan dan tanggungjawab yang dimandatkan; serta komited dalam melaksanakan tugas sebagai ahli JKA dilihat penting dalam menyumbang kepada JKA yang berkesan. Usaha JKA untuk meningkatkan keberkesanan UAD dapat dilihat melalui pelaksanaan tanggungjawabnya dengan memastikan UAD diberi akses terhadap maklumat yang sesuai, tidak dihalang dan menyediakan sumber yang diperlukan dalam melaksanakan tugas pengauditan dengan berkesan. Tanggungjawab ini penting bagi memastikan UAD dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu, hubungan kerjasama yang diwujudkan antara JKA dan UAD juga dilihat dapat membantu meningkatkan keberkesanan JKA responden.

Walau bagaimanapun, masih terdapat aspek yang perlu diberi perhatian serius oleh JKA berdasarkan persepsi responden dan hendaklah ditingkatkan supaya JKA dilihat lebih berkesan dalam semua aspek yang dinilai. Antaranya adalah seperti "memastikan tindakan pembetulan/penambahbaikan dilaksanakan"; "meningkatkan pengetahuan tentang fungsi dan aktiviti organisasi"; "mempunyai pengetahuan dalam bidang pengauditan"; "melaporkan sistem perakaunan, kewangan dan kawalan lain dari semasa ke semasa"; "menyemak dan mengkaji sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi"; "mengkaji laporan UAD untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan"; dan "memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan fungsi JKA".

Salah satu manfaat yang diperolehi oleh organisasi yang menubuhkan JKA adalah dapat menambah baik tadbir urus sesebuah organisasi. Responden telah diberi 10 pernyataan mengenai nilai tambah baik yang disumbangkan oleh JKA terhadap tadbir urus organisasi. Jadual 4 menunjukkan skor purata bagi setiap pernyataan adalah melebihi 4.00 dengan skor tertinggi 4.42 dan terendah adalah 4.17. Dapat dirumuskan bahawa penubuhan JKA di kementerian responden telah memberi nilai tambah dalam menerapkan amalan tadbir urus yang baik. Secara rankingnya, JKA responden telah "mewujudkan sistem kawalan dalaman yang sesuai dan praktikal"; "meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan laporan audit dalam"; dan "meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan laporan audit luar". Bagaimanapun, usaha JKA untuk "meningkatkan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan sedia ada" dan "mengurangkan isu-isu berbangkit melalui tindakan pembetulan/penambahbaikan yang berterusan" menerima skor paling minimum berbanding pernyataan lain. Situasi ini dilihat masih menimbulkan persoalan sama ada JKA berupaya untuk menangani masalah berkaitan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan mengurangkan isu berbangkit melalui tindakan pembetulan. Sehubungan itu, kajian ini juga berhasrat untuk melihat hubungan faktor-faktor ini dengan prestasi pengurusan kewangan bagi menjawab persoalan tersebut.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan kajian ini mendapati aspek peranan, tanggungjawab, ciri-ciri ahli dan juga hubungan antara JKA dan UAD adalah merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan JKA di Kementerian responden. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa penubuhan JKA telah memberi nilai tambah terhadap tadbir urus organisasi secara amnya. Dapatan kajian rintis ini juga menunjukkan masih terdapat aspek yang perlu ditambah baik dan dipertingkatkan supaya JKA dilihat lebih berkesan dan mempunyai impak positif terhadap tadbir urus awam. Kajian rintis yang dilaksanakan ini hanya tertumpu kepada Kementerian responden sahaja dan faktor penting yang dikenalpasti dapat menyumbang kepada keberkesanan operasi dan objektif JKA telah dinilai melalui persepsi juruaudit dalamnya. Sehubungan itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua Kementerian atau organisasi lain. Bagaimanapun, pendekatan yang sama akan dilaksanakan di semua Kementerian/jabatan persekutuan bagi menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan JKA masing-masing dan hubungannya dengan prestasi pengurusan kewangan kerajaan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan secara teoritikal melalui pengembangan ilmu pengetahuan. Walaupun objektif utama kajian ini adalah hampir sama dengan kajian lepas (Wong, 2012; Stamper, 2011; V.D.Nest, 2008) tetapi ia masih mengisi jurang kajian sedia ada dengan memberikan bukti empirikal mengenai pelaksanaan JKA dalam sektor kerajaan Malaysia yang mempunyai sistem perundangan dan struktur pentadbiran kerajaan yang tersendiri berbanding negara luar. Secara praktikal, kajian ini turut menyumbang dengan memberikan maklumat mengenai status dan prestasi JKA kepada pihak penggubal dasar khususnya Perbendaharaan Malaysia mengenai faktor kritikal yang perlu diberi perhatian serius. Ini dapat memberikan gambaran tentang kekuatan dan kelemahan JKA serta boleh dijadikan panduan kepada agensi kerajaan lain bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti untuk mencapai tadbir urus yang baik dalam pengurusan kewangan awam serta kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

RUJUKAN

- Abbott, L.J., & Parker, S. (2000). Auditor selection and audit committee characteristics. *Auditing: A Journal Of Practice & Theory*, 19(2), 47-66.
- (ANAO) Australian National Audit Office. (2011). *Public sector audit committees, independent assurance and advice, for chief executives and boards*, Canberra, Australia, http://www.anao.gov.au/html/Files/BPG_Public_Sector_Audit_Committees/index.html
- Beasley, M. S., Carcello, J. V., Hermanson, D.R., & Lapides, P. D. (2000). Fraudulent financial reporting: Consideration of industry traits & corporate governance mechanisms. *Accounting Horizons*, 14(4), 441-454
- Cornelia, N. (2012). The effectiveness of audit committees in the public sector. *Auditing SA*, Summer 2012/13, Dawn Limited
- Riordan, D. (2011). Audit committees in government departments. A Research Paper. Institute Of Public Administration, Dublin 4, Ireland
- Deloitte & Touche LLP. (2005). Resource Guide: *Public sector audit committees*. New York, NY: Deloitte & Touche LLP
- DeZoort, F. T., & Salterio, S. E. (2001). The effects of corporate governance experience and financial reporting and audit knowledge and audit committee members' judgements. *Auditing: A Journal of Theory and Practice*, 20(2), 31-47.
- DeZoort, F. T., D. Hermanson, D. Archambeault & S. Reed (2002). Audit committee effectiveness: A synthesis of the empirical audit committee literature. *Journal of Accounting Literature*, 21, 38-75.
- Gramling, A. A., Maletta, M. J., Schneider, A. & Church, B. K. (2004). The role of the internal audit function in corporate governance: A synthesis of the extant internal auditing literature and directions for future research. *Journal of Accounting Literature*, 23, 194-244.
- Goetsch, D. L. (2010). *Occupational safety and health for technologist, engineers and managers* (7th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Goodwin, J. (2003). The relationship between the audit committee and the internal audit function: Evidence from Australia and New Zealand. *International Journal of Auditing*, 7, 263-78.
- Hepworth, N., & Koning, R. D. (2012, May). Audit committees in the public sector. Brussels, London. Higher Education Funding Council for England. (2008). *Handbook for members of audit committees in higher education institutions*, London, United Kingdom, <http://www.universitychairs.ac.uk/wp-content/uploads/2014/12/Handbook-for-members-of-Audit-Committees.pdf>

- ICANZ (2003). Improving corporate reporting: a shared responsibility report of the institute of chartered accountants of new zealand working group on corporate reporting. Institute of Chartered Accountants of New Zealand, Wellington
- (IIA) Institute of Internal Auditors. (2014, June). Global public sector insight: Independent audit committees in public sector organizations.
- Kalbers, L. & T. Fogarty. (1993). Audit committee effectiveness: An empirical investigation of the contribution of power. *Auditing: A Journal of Practice & Theory*, 12:1, 24-49.
- Krishnan, J. (2005). Audit committee quality and internal control: An empirical analysis. *The Accounting Review*, 80 (2), 649–675. <http://www.jstor.org/page/info/about/policies/terms.jsp>
- (LKAN) Laporan Ketua Audit Negara (2008): Penyata kewangan dan pengurusan kewangan kementerian/ jabatan kerajaan persekutuan
- Magrane, J. & Malthus, S. (2010). Audit committee effectiveness: A public sector case study. *Managerial Auditing Journal*, 25 (5), 427- 443
- Maslinawati Mohammad.(2007). Audit committee composition and its interaction with internal audit function: Some Malaysian evidence. Unpublished master thesis, International Islamic University, Malaysia
- Marx, B. (2009). An analysis of audit committee effectiveness at the largest listed companies in south africa from a CFO and audit committee perspective. *Acta Commercii* 2009,(pp 13-23)
- Menon, K., & Williams, J. (1994). The use of audit committees for monitoring. *Journal of Accounting & Public Policy*, 13(2), 121-39.
- National Treasury.(2001). Induction pack for audit committees. Pretoria: Government Printer.
- Nunally, J., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory*. (3rd ed.), New York: McGraw-Hill.
- HM Treasury (2007). *Audit committee handbook* London: www.hm-treasury.gov.uk
- Purcell, A.J. (2012). Audit committee effectiveness in victorian local government. Unpublished doctoral dissertation, University of Victoria.
- Stamper, P. (2011). An analysis of audit committee effectiveness: A case study of public entities in gauteng. Research Report MBL 3, <http://uir.unisa.ac.za/xmlui/bitstream/handle/10500/6145/2011>
- Shulman, K.,& Kim, T. (2011). Benefits of audit committees and audit committee charters for government entities. Audit Committee Brief. <http://www.aicpa.org/ForThePublic/>
- Soltani. (2007). *Auditing - An International Approach* (1st ed.), UK: Pearson Education. SBN-13: 978-0273657736/ISBN-10: 0273657739
- V.D. Nest.(2008). The perceived effectiveness of audit committees in the south african public service. *Meditari Accountancy Research*, 16 (2), 175-188
- Wong G. (2012). An analysis of the role and performance of audit committees in the victorian government public sector in providing assurance and governance. Unpublished doctoral dissertation, University of Victoria.

JADUAL 1: NILAI PEMBOLEHUBAH CRONBACH ALPHA

Pembolehubah	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Peranan JKA	13	.922	.909 - .926
Ciri-ciri JKA	10	.894	.873 - .908
Tanggungjawab JKA	12	.944	.936 - .947
Hubungan Kerja antara JKA & UAD	6	.827	.758 - .899
Nilai Tambah JKA	10	.971	.965 - .971

JADUAL 2: DEMOGRAFI RESPONDEN

PROFIL RESPONDEN	BILANGAN	PERATUS (%)
JANTINA		
Lelaki	8	66.7
Perempuan	4	33.3
PENGLIBATAN		
Setiausaha	1	8.3
Pembentang	3	25.0
Pemerhati	8	66.7

GRED JAWATAN		
W 54 - Jusa C	1	8.3
W48 – W52	2	16.7
W41 – W44	5	41.7
W32 – W36	4	33.3
TEMPOH PERKHIDMATAN DI KEMENTERIAN SEKARANG		
Kurang 3 tahun	7	58.3
3 – 6 tahun	3	25.0
> 6 tahun	2	16.7
TAHAP PENDIDIKAN		
Ijazah Sarjana Muda	9	75.0
Diploma	3	25.0
JUMLAH	12	100

JADUAL
3: faktor-
faktor
yang
menyumb
ang
keberkesa
nan jka

BIL	PERNYATAAN	SKOR PURATA
PERANAN JKA		
1.	Membantu menerapkan amalan baik tadbir urus dalam organisasi	4.50
2.	Memastikan organisasi mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan	4.50
3.	Membantu meningkatkan kebebasan juruaudit dalam	4.42
4.	Memastikan isu-isu audit dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat	4.42
5.	Mencegah kecuaiian, penipuan, penyelewengan dan kesilapan lain dalam mengurus wang awam.	4.42
6.	Meningkatkan komunikasi yang baik antara pihak pengurusan dan juruaudit dalam	4.42
7.	Memastikan organisasi mempunyai sistem maklumat yang tepat dan boleh dipercayai	4.33
8.	Memastikan organisasi melaksanakan tanggungjawab yang baik berkaitan pengurusan wang awam	4.33
9.	Memastikan organisasi mematuhi keperluan perundangan dan peraturan kewangan semasa	4.33
10.	Menyokong juruaudit dalam untuk melapor dan membentangkan kelemahan yang serius	4.33
11.	Menyediakan forum perbincangan antara pihak pengurusan dan juruaudit (dalaman dan luaran)	4.25
12.	Membantu meningkatkan kebebasan juruaudit luar	4.17
13.	Memastikan tindakan pembetulan/penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan	4.17
CIRI-CIRI AHLI JKA		
14.	Tidak Bias / Tidak mempunyai kepentingan peribadi	4.42
15.	Pemahaman penuh terhadap tujuan dan tanggungjawab JKA	4.33
16.	Komitew dengan tugas sebagai ahli JKA	4.33
17.	Pengerusi JKA adalah seorang yang bersemangat	4.25
18.	Berpengetahuan dalam bidang kewangan dan perakaunan.	4.17
19.	Mempunyai latarbelakang kemahiran yang pelbagai	4.17
20.	Mampu untuk memberikan tumpuan dari segi masa yang diperlukan	4.17
21.	Mempunyai budibicara/justifikasi dalam membuat keputusan	4.17
22.	Berpengetahuan tentang fungsi dan aktiviti organisasi	4.08
23.	Berpengetahuan dalam bidang pengauditan	3.92
TANGGUNGJAWAB JKA		
24.	UAD diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya	4.50
25.	Tiada sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan UAD	4.42
26.	UAD mempunyai sumber yang mencukupi (peruntukan, inventori/ aset dan kemudahan lain) bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.	4.42
27.	JKA bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.	4.33
28.	Salinan Minit Mesyuarat JKA dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya.	4.33
29.	Mengkaji Rancangan Tahunan UAD dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum diluluskan oleh KSU/SUK dan dikemukakan kepada Perbendaharaan.	4.25
30.	UAD mempunyai kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan	4.25
31.	Mengkaji laporan daripada JAN untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan.	4.25
32.	Menimbang hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam.	4.25
33.	Melaporkan sama ada wujudnya sistem perakaunan dan kewangan yang efektif serta kawalan-kawalan tertentu sebagai satu amaran awal mengenai kelemahan organisasi.	4.08
34.	Mengkaji laporan daripada UAD untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan.	4.08
35.	Mengkaji kesempurnaan & keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan.	4.08
HUBUNGAN KERJA ANTARA JKA DAN UAD		
36.	UAD/KAD diberi kebebasan untuk melapor, membentang dan memantau semua isu-isu audit.	4.33

BIL	PERNYATAAN	SKOR PURATA
37.	JKA memberikan maklum balas yang konstruktif kepada KAD dan UAD.	4.25
38.	UAD/KAD telah memberikan perkhidmatan yang baik bagi memenuhi keperluan JKA.	4.25
39.	JKA telah melaksanakan tugas mereka bagi memastikan UAD mencapai objektif.	4.17
40.	Ahli JKA memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan fungsi UAD.	4.08
41.	UAD/KAD mendapatkan nasihat/pandangan terlebih dahulu daripada pengerusi/ahli JKA bagi perkara-perkara yang dilaporkan.	4.08

JADUAL 4: nilai tambah jka

Bil.	PERNYATAAN	SKOR PURATA
1.	Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang sesuai dipraktikkan	4.42
2.	Meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan laporan audit dalam	4.33
3.	Meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan laporan audit luar	4.33
4.	Meningkatkan perkhidmatan yang diberi secara berterusan, cekap dan berkesan	4.33
5.	Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam mengurus peruntukan & perbelanjaan diluluskan	4.25
6.	Meningkatkan imej dan impak positif organisasi kepada masyarakat	4.25
7.	Menguruskan operasi (program/aktiviti) organisasi dengan cekap dan berkesan	4.25
8.	Organisasi peka terhadap jangkaan dan ekspektasi persekitaran	4.25
9.	Meningkatkan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan sedia ada	4.17
10.	Mengurangkan isu-isu berbangkit melalui tindakan pembetulan/penambahbaikan yang berterusan	4.17